

SILAT

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – Undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang **PERSILAT** (Persekutuan Silat Antarabangsa) baharu dan **PESAKA** (Persekutuan Silat Kebangsaan) serta **PERATURAN AM MASUM**.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am MASUM.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.1.1 Rujuk Perkara 3, 4 dan 5 Peraturan Am MASUM.

2.1.2 Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada teknikal pertandingan sebelum pertandingan bermula.

2.1.3 Bilangan pendaftaran pemain & pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	8	8	4	20

2.2 Acara yang dipertandingkan

2.2.1 Acara Silat Olahraga

2.2.1.1 Silat Olahraga merangkumi kelas putra dan putri.

2.2.1.2 Segala peraturan dan piawaian merujuk kepada PERSILAT dan PESAKA.

2.2.1.3 Acara yang dipertandingkan adalah :-

Bil.	Putra	Bil.	Putri
1	Kelas B (50kg– 55kg)	1	Kelas A (45kg– 50kg)
2	Kelas D (60kg–65kg)	2	Kelas B (50kg– 55kg)
3	Kelas F (70kg–75kg)	3	Kelas C (55kg–60kg)
4	Kelas H (80kg–85kg)	4	Kelas D (60kg–65kg)
5	Kelas J (90kg–95kg)	5	Kelas E (65kg–70kg)

2.2.1.4 Semasa pendaftaran, sesi timbang tidak akan dijalankan. Walaubagaimanapun, peserta adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang setiap pagi hari pertandingan mengikut jadual pertandingan. Jika berat melebihi kategori semasa timbang ulang, maka penyertaan pesilat akan dibatalkan.

2.2.1.5 Setiap perlawanan akan dijalankan sebanyak 3 pusingan dan masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit diperuntukan. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada sebarang perubahan semasa perlawanan.

2.2.1.6 Hanya 30 saat sahaja akan diberikan kepada peserta yang lewat ke arena dengan panggilan sebanyak 3 kali dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan diskualifikasi.

2.2.2. Acara Silat Seni

2.2.2.1 Kategori Jurus Tunggal

- 2.2.2.1.1 Persembahan solo oleh pesilat.
- 2.2.2.1.2 Kategori putra dan putri.
- 2.2.2.1.3 Pesilat akan menggayakan jurus yang diperkenalkan oleh PERSILAT.
- 2.2.2.1.4 Jumlah masa adalah 3 minit.
- 2.2.2.1.5 Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang, mata parang adalah 30 hingga 40 cm dan bagi tongkat ialah 150 cm hingga 180 cm serta diameter 2.5 cm hingga 3.5 cm.
- 2.2.2.1.6 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.2.2 Kategori Tempur (Ganda)

- 2.2.2.2.1 Seni tempur kategori putra dan putri.
- 2.2.2.2.2 Merangkumi dua (2) peserta untuk setiap kategori putra dan putri.
- 2.2.2.2.3 Masa diperuntukan adalah selama 3 minit.
- 2.2.2.2.4 Menggunakan tiga (3) jenis senjata sahaja. Senjata wajib adalah parang/golok dan tongkat (ukuran sama seperti senjata jurus tunggal) dan satu senjata nusantara.(sabit, keris, cemati, pisau belati, tekpi, kerambit, kipas, kujang, parang panjang, badik, pisau belati @ dagger, sewar, lading, sikin dan rencong)

- 2.2.2.2.5 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Sistem pertandingan akan dijalankan mengikut PERSILAT (Persekutuan Silat Antarabangsa) dan PESAKA (Persekutuan Silat Kebangsaan).

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

- 3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am MASUM.

4. HADIAH

- 4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am MASUM.

- 4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

BIL.	ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
		Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Silat Olahraga Putra							
1	Kelas B	1	1	1	1	2	2
2	Kelas D	1	1	1	1	2	2
3	Kelas F	1	1	1	1	2	2
4	Kelas H	1	1	1	1	2	2
5	Kelas J	1	1	1	1	2	2
Silat Olahraga Putri							
6	Kelas A	1	1	1	1	2	2
7	Kelas B	1	1	1	1	2	2
8	Kelas C	1	1	1	1	2	2
9	Kelas D	1	1	1	1	2	2
10	Kelas E	1	1	1	1	2	2
Silat Seni Putra							
11	Tunggal	1	1	1	1	1	1
12	Ganda	1	2	1	2	1	2
Silat Seni Putri							
13	Tunggal	1	1	1	1	1	1
14	Ganda	1	2	1	2	1	2
JUMLAH		14	16	14	16	24	26